



04 DEC, 2023

Kastam terpaksa tutup pintu pemeriksaan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam terpaksa tutup pintu pemeriksaan

Limpahan air Sungai Golok jejas jalan di pekan Rantau Panjang

Oleh Syaherah Mustafa dan Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Rantau Panjang: Pintu pemeriksaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Banggol Kulim, di sini, terpaksa ditutup semalam selepas laluan keluar masuk ditenggelami air.

Selain kawasan itu, beberapa jalan di pekan Rantau Panjang turut terjejas berikutan limpahan air Sungai Golok sejak malam kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang, Shapawi Stapa, berkata setakat tengah hari semalam, keadaan di kawasan pekan bagaimanapun masih terkawal.

"Hanya laluan melalui Pintu Sa-

tu dan Dua Pemeriksaan JKDM boleh dilalui setakat ini, tetapi jika hujan berterusan dan Sungai Golok naik, jalan itu juga dijangka tutup.

"Pada pagi ini (semalam), paras Sungai Golok mencatat bacaan 10.33 meter, jika ia mencecah sehingga 11 meter, berkemungkinan besar keseluruhan pekan akan digenangi air," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, peniaga, Mazlan Saidi, 42, berkata, dia gelisah apabila mendapati kawasan sekitar kedainya sudah dinaiki air semalam.

Katanya, dia masih membuka kedai memandangkan jalan Pintu Satu masih boleh dilalui, namun tetap mengambil langkah berjaga-jaga, termasuk menyimpan barang ke tempat tinggi.

Mangsa di PPS bertambah

Sementara itu, jumlah mangsa banjir di Kelantan terus meningkat kepada 3,259 orang setakat jam 3 petang semalam berbanding 2,632 pagi kelmarin.

Ini berikutan jumlah mangsa di Pasir Mas bertambah berikutan



Tinjauan di pintu pemeriksaan JKDM di Banggol Kulim yang terpaksa ditutup selepas laluan keluar masuk ditenggelami air, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

beberapa kampung di kawasan rendah dinaiki air semalam.

Semua mangsa daripada 1,026 keluarga itu ditempatkan di 13 pusat pemindahan sementara (PPS) di tiga daerah iaitu di Pasir Mas, Bachok dan Tanah Merah.

Portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaporkan, jumlah mangsa banjir di Pasir Mas semakin bertambah kepada 3,016 orang daripada 947 keluarga yang berada di 10 PPS berbanding 2,370 orang pagi semalam.

Mangsa banjir di Bachok adalah seramai 221 orang daripada 70 keluarga berada di dua PPS dan 22 mangsa daripada sembilan keluarga berada di satu PPS di Tanah Merah, manakala satu PPS di Kota Bharu ditutup sepenuhnya semalam.



Hazwan Sikhalon menyelamatkan haiwan peliharaan selepas kawasan rumahnya digenangi air di Kampung Pandang Licin, semalam.

(Foto BERNAMA)



04 DEC, 2023

Kastam terpaksa tutup pintu pemeriksaan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Limpahan air Sungai Golok jejas jalan di pekan Rantau Panjang

Rantau Panjang: Pintu pemeriksaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Banggol Kulim, di sini, terpaksa ditutup semalam selepas laluan keluar masuk ditenggelami air. Selain kawasan itu, beberapa jalan di pekan Rantau Panjang turut terjejas berikutan limpahan air Sungai Golok sejak malam kelmarin. Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang, Shapawi Stapa, berkata setakat tengah hari semalam, keadaan di kawasan pekan bagaimanapun masih terkawal.